

TARIKH	5 / 4 / 2016	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	4	RUANGAN	

## TH antara penyumbang tertinggi zakat di negara ini

ARAU - Lembaga Tabung Haji (TH) adalah antara penyumbang tertinggi zakat perniagaan bagi 2015 di Malaysia susulan kedudukan kewangannya kukuh di sebalik ketidaktentuan ekonomi.

Timbalan Pengarah Urusan dan Kumpulan dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah berkata, bagi tahun lepas TH mengeluarkan zakat perniagaan berjumlah RM59.3 juta berbanding RM57 juta pada 2014.

"TH sentiasa prihatin dan bertanggungjawab. Pembayaran zakat dilaksanakan mengikut syariat bagi memastikan simpanan pendeposit



JOHAN

bersih," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau menghadap Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail untuk menyampaikan zakat perniagaan TH bagi tahun 2015 berjumlah RM606,621 di Bilik Biru, Istana Arau.

Johan berkata, jumlah zakat untuk negeri Perlis meningkat sebanyak 1.53 peratus berbanding RM597,475.67 pada tahun 2014.

Katanya, TH turut mengagihkan zakat secara terus kepada golongan asnaf yang layak di seluruh negara melalui program-program tanggung-jawab korporatnya. - Bernama